

KENYATAAN MEDIA

15 November 2020

KUALA LUMPUR, 15 November – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) menafikan tuduhan tidak berasas terhadap anak syarikat milik penuhnya, iaitu Edgenta UEMS Sdn. Bhd. (“Edgenta UEMS”) dalam sebuah artikel yang disiarkan di laman web Parti Sosialis Malaysia (“PSM”) yang bertajuk “Pekerja pembersihan hospital yang sepatutnya dikuarantin diarahkan majikan untuk terus bekerja”, bertarikh 14 November 2020.

Syarikat menafikan dengan sekeras-kerasnya tuduhan penganiayaan terhadap pekerjaannya dan ingin mengesahkan bahawa tiga pekerja perkhidmatan sokongan kesihatannya (“HSS”) yang bertugas di Hospital Bukit Mertajam di Pulau Pinang telah disahkan negatif COVID-19 selepas melalui ujian saringan.

UEM Edgenta sentiasa mematuhi protokol ketat yang dikawal selia oleh pihak berkuasa, dan kesemua pekerja tersebut tidak perlu menjalani kuarantin selepas penilaian yang menyeluruh dibuat. Keputusan ini dibuat berikutan mereka tidak mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19 positif dan sentiasa dilengkapi dengan alat pelindung diri (“PPE”) ketika menjalankan tugas harian. Ujian COVID-19 yang diambil oleh pekerja adalah untuk memberi jaminan tambahan kepada mereka kerana pihak Syarikat amat mementingkan aspek keselamatan dan kesihatan di semua lokasi perkhidmatan kami.

Syarikat akan terus mematuhi pelaksanaan prosedur kawalan dan protokol kawalan jangkitan yang ditetapkan oleh setiap Pasukan Operasi (Bilik Gerakan) hospital, serta kakitangan Kawalan Infeksi yang bertanggungjawab dalam menentukan keperluan pengasingan dan ujian saringan kakitangannya yang ditempatkan di hospital-hospital di bawah jagaan Edgenta UEMS. Kakitangan HSS merupakan barisan hadapan yang berdedikasi dalam memerangi COVID-19 dan amatlah penting untuk naratif yang benar dan tepat disampaikan sepanjang pandemik ini. Mari lindungi mereka daripada melemahkan semangat dan menimbulkan kekeliruan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan kesejahteraan dan kesihatan kakitangan barisan hadapan sentiasa dilindungi pada setiap masa.

Sejak permulaan penularan wabak COVID-19, UEM Edgenta telah melaksanakan prosedur yang ketat untuk menjaga kesihatan dan keselamatan kakitangan yang menyediakan perkhidmatan sokongan hospital kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, termasuklah penggunaan PPE yang ditentukan, pemeriksaan suhu dan memaklumkan kepada pihak pengurusan sekiranya terdapat tanda-tanda gejala. Sebagai Syarikat tersenarai awam, UEM Edgenta bertekad untuk memastikan kami akan terus berhubung dengan pihak berkepentingan utama kami yang berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh memberi kesan kepada jenama dan reputasi Syarikat dalam pasaran. Sebarang maklumat lanjut yang berkaitan dengan perkara ini akan disampaikan melalui laman web kami (www.uemedgenta.com).

-Tamat Siaran-